

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 13 MAC 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

SEKSYEN BAHASA INGGERIS

Ladies and Gentlemen,

2. *As we all know, the Vice Chancellor's Annual Keynote Address (Ucaptama Tahunan Naib Canselor -UTNC) is an important ritual because in every UTNC carries policies and strategies that will be implemented during the year to enhance the performance of the university. After several years of delivering UTNC, I would like to see the acceptance and effectiveness of the staff. Thus, to see the efficacy of this UTNC, I have requested that a study be carried out to find the receipt and evaluation of all staff to the UTNC.*
3. *Nevertheless until March 11, 2013 only 50.66% (1003 out of 1,980 staff) who have responded. The number is rather disappointing. I am pretty sure it will not take longer than to smoke your cigarette to answer the survey. To those who have done so, thank you very much for your cooperation. And for those who have not responded to the questionnaires, I hope that you will carry out this small favor for our university. This is to ensure the success of this study as well as a medium of reference for improvement to UTNC in coming years.*

4. Therefore, I would like to remind all the Heads of Department to make sure that your staff gives full cooperation in completing the survey before March 15, 2013. Your support is greatly appreciated.

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Perasmian Kampus Induk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) oleh Perdana Menteri Malaysia

1. Pertamanya, saya bersyukur ke hadrat Allah swt kerana atas keizinanNya Majlis Perasmian Kampus Induk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah berlangsung dengan jayanya. Sepatutnya saya menglahirkan penghargaan ini pada minggu lepas, tetapi memandangkan saya mempunyai tuntutan tugas lain yang tidak dapat dielakkan, kita terpaksa menunda aktiviti mingguan kita kepada hari ini. Terima kasih saya titipkan buat seluruh warga UniMAP yang telah memberi sokongan dan kerjasama sebelum, semasa dan selepas majlis tersebut. Saya mendapat makluman bahawa hampir 20,000 orang hadir pada majlis perasmian tersebut. Angka tersebut telah mencatatkan satu sejarah buat UniMAP.
2. Saya kira masih belum terlambat untuk saya berkongsi beberapa berita gembira yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri pada majlis tersebut. Antara berita gembira tersebut adalah peruntukan 18 juta kepada UniMAP dan NCIA untuk menjalankan projek Harumanis bagi membolehkan buah tersebut dapat dinikmati sepanjang tahun.
3. Malah, apa yang lebih membanggakan adalah apabila YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa UniMAP telah membantu melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di Perlis dan mengibaratkan kita sebagai nadi kepada pembangunan negara. Saya sangat bersyukur dengan pernyataan tersebut. Malah beliau turut menyatakan bahawa Perlis belum memiliki hotel bertaraf lima bintang tetapi mempunyai sebuah universiti lima bintang. Tahniah

kepada seluruh warga UniMAP dan berikan tepukan yang gemuruh buat kita semua.

UniMAP Raih Anugerah Penghargaan di Majlis Malam CITRA Inovasi anjuran KPT

4. Saya juga ingin berkongsi satu lagi berita gembira bersama warga UniMAP pada pagi yang berbahagia ini. Pada Majlis Malam CITRA Inovasi anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang diadakan pada 5 Mac lalu di Hotel Marriot Putrajaya, tiga produk penyelidikan UniMAP meraih anugerah penghargaan atas sumbangan kita dalam menjayakan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovatif Peringkat Tertiar (PTPMIIPT) yang diterajui KPT. Berikan tepukan tahniah buat Prof. Dr. Ismail Daut bagi produk Penyongsang dengan Kuasa Fotovolta Tanpa Pengubah; Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah bagi produk Geopolimer Simen dan Konkrit Mesra Alam dan Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid untuk produk Sistem Optik CDMA menggunakan Kod Pepenjuru Rawak.
5. Ini menunjukkan dalam sedar atau tidak sedar, hasil penyelidikan penyelidik kita diiktiraf oleh pihak KPT sebagai salah satu penyumbang kepada pembangunan modal insan inovatif. Oleh itu, kepada semua penyelidik, teruskan penghasilan produk penyelidikan yang berguna kepada masyarakat dan gunakan pemikiran yang kreatif dan inovatif bagi melakukan penambahbaikan kepada kehidupan seluruh masyarakat. InsyaAllah sekiranya apa yang kita lakukan dengan hati yang ikhlas tanpa menyimpan agenda yang tertentu, ianya akan menyusul kejayaan.

Program Gerak Usahawan (PGU) Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2013

6. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada sekretariat Program Gerak Usahawan (PGU) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2013 di atas kejayaan menganjurkan program tersebut. Namun, dikesempatan ini ingin saya ingatkan kepada semua warga UniMAP untuk melibatkan warga UniMAP yang lain apabila menganjurkan apa-apa program besar.

7. Seandainya sesebuah program itu berjaya dilaksanakan, alhamdulillah. Namun sekiranya berlaku kecacatan kepada program tersebut ianya pasti akan mencalarakan imej universiti. Oleh itu, sekiranya ada PTj yang diamanahkan untuk melaksanakan program, sila berhubung dengan mereka yang mempunyai kepakaran tertentu dalam melaksanakan program.

8. Sebagai contoh untuk protokol program atau majlis, sila berhubung dengan pihak PRO iaitu Unit Komunikasi Korporat untuk khidmat nasihat atau lantikan sebagai AJK Program. Hal ini penting bagi memastikan kelancaran program tersebut. Saya mohon semua pihak untuk mengambil maklum perkara ini.

MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG

9. Minggu hadapan akan diadakan majlis tahunan kita iaitu Majlis Anugerah Seri Gemilang (ASG) yang bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Oleh itu, kepada staf yang Berjaya dipilih, tahniah saya ucapkan dan kepada yang tidak terpilih, janganlah berputus asa. Terus tingkatkan kecemerlangan dan sumbangan bagi memajukan UniMAP, insyaAllah keikhlasan bekerja saudara-saudari akan dibalas dengan kebaikan setimpal usaha yang telah dibuat.

PENUTUP

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin berkongsi sedikit maklumat kepada warga UniMAP agar dapat sama-sama kita memperbaiki diri menjadi penjawat awam yang lebih efisien. Bermula hari ini saya menyeru semua warga UniMAP untuk menyingkir segala prasangka yang ada dalam hati kita.

11. Hal ini kerana ‘Prasangka akan menghalang kejayaan’. Ada satu kisah tentang seorang ulama pada tahun 403 Hijrah iaitu Abu Bakr al – Baqillani yang sentiasa berbaik sangka kepada semua orang. Beliau dan gurunya bertelagah pendapat sama ada untuk menyertai perdebatan terbuka yang dianjurkan oleh sultan yang ketika itu adalah seorang kafir, fasiq dan rawafid (membenci sahabat).

12. Disebabkan beliau seorang yang sentiasa berbaik sangka, beliau pergi menghadiri perdebatan tersebut dan berjaya mempertahankan pendapatannya mengenai Al – Quran, Hadis dan sastera Arab sehingga diibaratkan bagai matahari yang menutupi bintang-bintang. Setelah itu, beliau diangkat menjadi Hakim Agung sehingga keakhir hayatnya. Moralnya, seandainya beliau tidak menghadiri perdebatan terbuka tersebut, mana mungkin seorang sultan yang kafir boleh berpaling dari pegangannya dan mengangkat seorang ahli Sunah menjadi Hakim Agung.

13. Kadang-kala dalam hidup kita ini, kita selalu berfikiran negatif sehingga banyak peluang kejayaan terlepas begitu sahaja. Perbezaan

pendapat sering dianggap sebagai kegelapan sedangkan tidaklah segelap seperti yang kita bayangkan. Malah sikap berprasangka juga sering kali menutup pintu ilmu pengetahuan.

14. Hal ini kerana, orang yang berfikiran negatif sering kali menolak untuk mendengar, apalagi menerima pendapat yang berbeza daripadanya.

15. Dalam Islam, kita dituntut untuk bersikap lebih terbuka. Apakah salah, kiranya kita mendengar terlebih dahulu ucapan tersebut sebelum membuat pilihan sama ada untuk menerima atau menolak. Kenyataannya, hikmah itu kadangkala datang dari sumber yang tidak kita sangkakan. Oleh itu, kepada seluruh warga UniMAP tidak kira apapun jawatannya, saya menyeru agar sentiasa memberi peluang kepada insan lain untuk menyatakan hasrat dan pendapatan mereka sebelum membuat sesuatu keputusan atau penilaian.

16. Allah swt berfirman dalam surah al – Hujurat, “**Wahai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka. Sesungguhnya kebanyakan prasangka adalah dosa**”. Walaupun tidak semua prasangka itu berdosa kerana sebahagiannya dibolehkan atas sebab waspada dan hati-hati, namun kebanyakan prasangka itu sering beriringan dengan sifat-sifat tercela.

17. Saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk sentiasa berbaik sangka kerana keruntuhan dan keretakan organisasi akan berlaku sekiranya kita berpecah dek prasangka buruk yang tiada noktah

pengakhirannya. Banyakkan berbaik sangka kerana orang yang bersangka baik adalah orang yang bersih hati dan jiwanya dari sifat-sifat tercela.

18. Malah diakhirat nanti, Allah swt tidak menghukum seseorang kerana bersangka baik tetapi akan menghisab dan menghukum kerana buruk sangka terhadap orang lain. Wallahu a'lam.

19. Rasanya cukup setakat ini, saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

**Duka Dirawat, Dengan Ketawa,
Ketawa Membantu, Tingkatkan Prestasi,
Bersih Hati, Tenangkan Jiwa,
Melaksanakan Kerja, Majukan Organisasi.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.